



Mohd. Isa Abdul Samad menyampaikan replika cek kepada atlet emas Sukan Paralimpik 2016, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi (tiga dari kiri) di Dewan Banquet, Menara Felda, Kuala Lumpur, semalam. UTUSAN/JEFFRI IRAN

KUALA LUMPUR 4 Okt. – Projek Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) yang melibatkan pembinaan sebanyak 11,400 rumah berharga RM70,000 seunit di tanah rancangan di seluruh negara dijangka dapat dimulakan pada awal tahun depan.

Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, pihak telah melengkapkan segala proses pembinaan rumah tersebut termasuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan dan bank selain telah melantik satu pemaju untuk melaksanakan pembinaan tersebut.

Beliau berkata, pembinaan rumah terbabit adalah seperti diarahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Rompin.

“Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pemaju, pembinaan akan dimulakan selewat-lewatnya pada awal tahun depan. Buat permulaan sebanyak 2,500 unit akan dibina terlebih dahulu.

“Projek pembinaan ini tidak menghadapi sebarang masalah termasuk tanah dan pembiayaan pembinaannya,” katanya selepas majlis meraikan atlet Sukan Paralimpik 2016, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi di Menara Felda, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Mohd. Isa berkata, PGBF melibatkan 8,470 rumah berharga RM90,000 seunit pula masih belum dapat dipastikan tarikh pembinaannya ekoran Felda masih belum dapat pinjaman untuk membiayai kos pembinaannya.

“Kami telah berbincang dengan beberapa bank dan sedang melihat tawaran terbaik daripada institusi kewangan tersebut. Apabila perkara ini selesai, pembinaan rumah terbabit akan dimulakan.

“Projek ini memerlukan lebih RM1 bilion untuk pembinaannya dan Felda tidak lagi boleh menggunakan dana yang ada kerana telah menggunakan lebih daripada RM400 juta,” katanya.

Sementara itu, Mohd. Isa menyatakan, penyata kewangan syarikat tersebut telah disiapkan pada 28 September lalu dan diedarkan kepada pengurus-pengurus rancangan.

“Pengurus-pengurus rancangan akan memberikan penerangan secara berkelompok kepada peneroka dan segala persoalan boleh dikemukakan kepada mereka,” katanya.

Tag Berkaitan

Pembinaan dan Hartanah Semasa

LAPORAN EKONOMI 2016/2017

popular



Adel peluk Islam, keluarga beri sokongan



orang

Norfarihan kecewa dikecam seperti bunuh



mentua

Wang hantaran punca lelaki bunuh bakal




Zarina Zainuddin dikawal ketat




ramai

[VIDEO] Bunga api meletup cederakan orang




Julia Ziegler selamat diijabkabul



kemaluan

7 jam tanggung sakit cincin tersekat pada



Perceraian keluarga bukan pemusnah diri



Ronaldo tolak tawaran lumayan RM1.4 bilion



Mimie Haris sudah bercerai